

Keterangan Dokumen Elektronik: Proses Pengumpulannya di Peringkat Pra Perbicaraan dalam Kes Mal Syariah di Malaysia (Electronic Documentary Evidence: Its Gathering Process at Pre-trial Stage in Malaysian Syariah Mal Cases)

MOHAMAD AZHAN YAHYA
AHMAD AZAM MOHD SHARIFF
FATIMAH YUSRO HASHIM

ABSTRAK

Keterangan dokumen elektronik sering kali dikemukakan dalam mana-mana perbicaraan mal dan jenayah syariah di Malaysia. Penulisan ini mengupas proses pengumpulan keterangan dokumen elektronik dalam kes mal syariah. Penulisan ini mensasarkan tiga objektif. Pertama, ianya menganalisis pengaplikasian peruntukan undang-undang syariah berkaitan proses pengumpulan keterangan dokumen elektronik dalam kes mal syariah di Malaysia. Kedua, ia turut mengenal pasti permasalahan semasa yang wujud. Ketiga, penulisan ini mencadangkan penyelesaian ke atas permasalahan yang telah dikenal pasti. Penulisan ini menggunakan pendekatan doktrinal. Semua data yang diperolehi dari bahan-bahan penulisan dan temubual berkaitan dianalisis secara kualitatif. Para penulis mendapati wujudnya kelompongan dalam proses pengumpulan keterangan dokumen elektronik di peringkat pra perbicaraan dalam kes mal syariah. Tidak ada proses pengurusan kes yang seragam dalam mengendalikan keterangan dokumen elektronik sebelum sesuatu kes itu dibawa ke mahkamah. Dalam masa yang sama, pengaplikasian prinsip kebolehterimaan berkenaan keterangan dokumen elektronik di bawah Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah didapati tidak begitu jelas. Kedua-dua situasi ini telah mengakibatkan ketidaktentuan dalam proses pengumpulan keterangan dokumen elektronik di peringkat pra perbicaraan. Akhirnya, penulisan ini mencadangkan agar proses pengurusan kes diperincikan serta prinsip kebolehterimaan berkaitan keterangan dokumen elektronik diperincikan serta diperjelaskan. Dengan demikian, proses pengumpulan keterangan dokumen elektronik dalam kes mal syariah akan menjadi lancar.

Kata kunci: keterangan dokumen elektronik, pengurusan kes, keterangan Islam, kes mal syariah, pengumpulan, kebolehterimaan, pengaplikasian

ABSTRACT

Electronic documentary evidence is often tendered in syariah mal and criminal trials in Malaysia. This writing analyses the gathering process of electronic documentary evidence in syariah mal cases. This writing aims at fulfilling three objectives. First of all, it analyses the application of syariah legal provisions relating to the gathering process of electronic documentary evidence in Malaysian syariah mal cases. Secondly, it also identifies related existing problems. Thirdly, this writing suggests solutions to the identified problems. This writing uses the doctrinal approach. All data from relevant literatures and interviews are being qualitatively analysed. The authors find that there is a lacuna in the the gathering process of electronic documentary evidence at the pre-trial stage in syariah mal cases. In other words, there is no standardized case management process in handling electronic documentary evidence before a case is being brought to court. At the same time, application of admissibility principles pertaining to electronic documentary evidence under the Syariah Court Evidence Enactment is notoriously ambiguous. Both situations have resulted in ambiguity in the gathering process of electronic documentary evidence. Last but not least, this writing calls for refinements in case management process as well as refinements and clarity in admissibility principles pertaining to electronic documentary evidence. Only then will the gathering process of electronic documentary evidence in syariah mal cases becomes efficient.

Keywords: electronic documentary evidence, case management, syariah evidence, syariah mal cases, gathering, admissibility, application.

PENGENALAN

Dalam kes mal di Mahkamah Syariah, pihak-pihak mengumpul keterangan dokumen elektronik untuk dikemukakan sebagai bukti semasa perbicaraan di mahkamah kelak.¹ Ia kerana proses tersebut membantu pihak-pihak semasa perbicaraan di mahkamah. Perbicaraan berjalan dengan lancar kerana kurangnya penangguhan kes bagi memberi ruang dokumen-dokumen berkaitan untuk dizahirkan.² Dokumen yang dikumpul perlulah mengambil kira kerelevannya, kesahihannya serta kebolehpercayaannya agar ia dapat diterima sebagai keterangan semasa perbicaraan kelak.³ Sekiranya pengumpulan ini berlaku sedemikian, ia dapat membantu perjalanan kes perbicaraan berjalan dengan lancar.⁴ Pengumpulan keterangan dokumen elektronik dapat memandu pihak-pihak mendapat gambaran awal serta jelas berkaitan kes semasa perbicaraan. Ini selari dengan kehendak prinsip syariah yang mementingkan keadilan dalam menerima sesuatu bukti.⁵ Pengumpulan keterangan dokumen elektronik pada peringkat pra perbicaraan dalam kes mal melibatkan pengurusan kes. Oleh itu, pengumpulan keterangan dokumen elektronik tersebut perlu dibuat secara teratur dan menepati prinsip syariah dalam memastikan kebolehterimaan keterangan dokumen elektronik.

Penulisan ini akan mengenal pasti permasalahan berkaitan proses pengumpulan keterangan dokumen elektronik di mahkamah syariah. Untuk itu, penulis menganalisis mekanisme berkaitan pengumpulan keterangan dokumen elektronik pada peringkat pra perbicaraan kes mal di mahkamah syariah. Peringkat awal penulisan ini mendapati bahawa mekanisme pengurusan kes tidak diperuntukkan dalam mana-mana peruntukan undang-undang di mahkamah syariah.⁶ Pada masa yang sama, perkara yang perlu diberi perhatian semasa memperhalusi berkaitan proses pengumpulan keterangan dokumen elektronik, adalah berkaitan dengan ketiadaan prinsip kebolehterimaan yang jelas dalam perspektif peruntukan undang-undang di negara ini telah mengakibatkan wujudnya pandangan yang menerima (*Ajmawati binti Attan lwn Moriazi bin Mohamad*)⁷ dan yang menolak (*Moriazi bin Mohamad lwn Ajmawati binti Attan*)⁸ pengaplikasian dan kebolehterimaan keterangan dokumen elektronik di Mahkamah Syariah. Keadaan ini memberi kesan kepada

pengaplikasian keterangan dokumen elektronik di mahkamah syariah.

PERMASALAHAN PENGUMPULAN KETERANGAN DOKUMEN ELEKTRONIK DALAM KES MAL SYARIAH DI MALAYSIA

Pengumpulan dokumen elektronik dalam kes mal syariah dibuat melalui pengurusan kes. Pengurusan kes dilaksanakan mengikut salah satu daripada mana-mana tiga bentuk pengurusan dokumen seperti dalam Jadual 7.1.⁹

Proses pengurusan dokumen bentuk pertama, pihak-pihak mengumpul keterangan dokumen dan keterangan dokumen elektronik yang relevan dengan fakta kes seperti salinan kad pengenalan, salinan sijil nikah, salinan sijil kelahiran anak, laporan polis, laporan doktor, gambar-gambar berkaitan kes serta salinan perbualan di dalam aplikasi pesanan ringkas seperti *WhatsApp*, *we chat*, *telegram* dan sebagainya.¹⁰ Dokumen-dokumen berkaitan dengan kes perbicaraan akan dikumpul dalam sebuah ikatan sebagai ikatan dokumen. Ikatan dokumen ini difailkan bagi memudahkan mahkamah merujuk dokumen-dokumen apabila ia dikemukakan serta dibuat penandaan terhadap setiap satu dokumen yang ada. Dokumen yang dikumpul perlulah relevan dengan fakta persoalan. Dokumen ini akan dijadikan sebagai hujah untuk membuktikan kes di mahkamah. Oleh sebab itu, dokumen yang dikemukakan perlulah relevan supaya ia boleh diterima sebagai keterangan. Dokumen-dokumen tersebut dikumpulkan dan dilampirkan bersama sebagai ikatan dokumen.¹¹

Ikatan dokumen mengandungi dokumen di indeks serta diberi nombor muka surat, diletakkan dalam aturan kronologi serta diikatkan dan diletakkan dalam satu bahagian yang sama.¹² Ikatan dokumen mengandungi dokumen yang diwujudkan oleh pihak-pihak. Ia di indeks serta diberi nombor muka surat, diletakkan dalam aturan kronologi serta diikatkan dan diletakkan dalam satu bahagian sama. Dokumen-dokumen tidak dilampirkan bersama penyata tuntutan. Ia difailkan berasingan. Ikatan dokumen ini difailkan bagi memudahkan mahkamah merujuk dokumen-dokumen yang akan dikemukakan bagi menyokong kes perbicaraan. Plaintiff dan defendant akan menyediakan ikatan dokumen masing-masing. Seterusnya, pihak-pihak membuat catatan pengesahan ke atas setiap keterangan

dokumen dan keterangan dokumen elektronik yang dilampirkan dalam ikatan dokumen. Catatan pengesahan ke atas dokumen-dokumen tersebut

dibuat oleh pihak-pihak antara satu sama lain dengan menyatakan persetujuan mereka berkaitan isu kesahihan dan ketulenan kandungannya.¹³

JADUAL 7.1 Bentuk pengurusan dokumen dan dokumen elektronik serta kaedah pengurusan ikatan dokumen dalam kes mal di mahkamah Syariah

Bentuk Pengurusan Dokumen dan Dokumen Elektronik	Kaedah Pengurusan Ikatan Dokumen	Rujukan Peruntukan Undang-undang
Bentuk Pengurusan Dokumen Pertama	Catatan pengesahan dibuat oleh pihak-pihak ke atas setiap keterangan dokumen dan keterangan dokumen elektronik berkaitan ketulenan serta kesahihan kandungannya dalam ikatan dokumen plaintiff dan defendant.	Tidak ada mana-mana peruntukan undang-undang yang dirujuk.
Bentuk Pengurusan Dokumen Kedua	Seterusnya, keterangan dokumen serta keterangan dokumen elektronik tersebut dikategorikan kepada ikatan dokumen yang dipersetujui, ikatan dokumen yang dipersetujui tetapi kandungan tidak dipersetujui atau ikatan dokumen tidak dipersetujui.	Tidak ada mana-mana peruntukan undang-undang yang dirujuk.
Bentuk Pengurusan Dokumen Ketiga	Pihak-pihak menyediakan ikatan pliding dan ikatan dokumen. Ikatan pliding terdiri daripada pernyataan tuntutan, pernyataan pembelaan serta jawapan kepada pembelaan yang dikumpul dan dijadikan satu ikatan. ¹⁴ Ikatan dokumen pula adalah keterangan dokumen dan keterangan dokumen elektronik yang akan digunakan dalam perbicaraan yang dikumpul dan dijadikan satu ikatan (yang dikenali sebagai ikatan dokumen).	Tidak ada mana-mana peruntukan undang-undang yang dirujuk.

Berdasarkan catatan pengesahan yang dibuat, dokumen-dokumen tersebut dikategorikan kepada ikatan dokumen yang dipersetujui, ikatan dokumen yang dipersetujui tetapi kandungan tidak dipersetujui atau ikatan dokumen tidak dipersetujui.¹⁵ Ikatan dokumen dipersetujui iaitu catatan pengesahan ke atas keterangan dokumen dan keterangan dokumen elektronik yang dipersetujui akan kesahihan dan ketulenan kandungannya oleh kedua-dua belah pihak.¹⁶ Ikatan dokumen dipersetujui tetapi kandungan tidak dipersetujui iaitu catatan pengesahan ke atas keterangan dokumen dan keterangan dokumen elektronik yang dipersetujui kesahihan kandungannya manakala ketulennannya diterima oleh pihak-pihak.¹⁷ Ikatan dokumen tidak dipersetujui iaitu catatan pengesahan ke atas

keterangan dokumen dan keterangan dokumen elektronik yang tidak dipersetujui berkaitan kesahihan dan ketulenan kandungannya.¹⁸ Setelah catatan pengesahan dilakukan oleh pihak-pihak, ikatan dokumen tersebut akan dikemukakan sewaktu perbicaraan. Keterangan dokumen elektronik yang dipersetujui tidak perlu dibuktikan kesahihan dan ketulennannya manakala yang dipertikaikan perlu dibuktikan sebelum ia diterima oleh hakim dalam membuat asas penghakiman.¹⁹

Proses pengurusan dokumen bentuk pertama boleh dilihat dalam kes tuntutan harta sepencarian di Mahkamah Tinggi Syariah di Shah Alam, Selangor.²⁰ Pihak plaintiff telah menyediakan ikatan dokumen mengandungi dokumen kad pengenalan, sijil perkahwinan, resit bayaran utiliti

serta dokumen pinjaman rumah. Dalam kes ini, dokumen kad pengenalan serta sijil perkahwinan dikategorikan sebagai ikatan dokumen dipersetujui kerana defendant mengesahkan persetujuannya terhadap dokumen-dokumen tersebut.²¹ Dokumen kad pengenalan serta sijil perkahwinan tidak dipertikaikan kebiasaannya. Ini kerana dokumen-dokumen tersebut merupakan dokumen asas untuk menunjukkan kausa tindakan pihak-pihak dalam kes. Manakala dokumen pinjaman rumah dikategorikan sebagai ikatan dokumen dipersetujui tetapi kandungan tidak dipersetujui kerana defendant mempertikaikan kandungan dokumen tersebut.²² Walau bagaimanapun, kes ini tidak ada ikatan dokumen yang tidak dipersetujui. Berdasarkan kes tersebut, catatan pengesahan dibuat ke atas setiap keterangan dokumen dan keterangan dokumen yang dilampirkan dalam ikatan dokumen dengan mencatatnya sebagai dokumen yang dipersetujui atau dokumen yang tidak dipersetujui berhubung ketulenan serta kesahihan kandungannya.²³

Di mahkamah syariah negeri Melaka, terdapat amalan yang mengkategorikan ikatan dokumen dipersetujui sebagai ikatan dokumen A, ikatan dokumen dipersetujui tetapi kandungan tidak dipersetujui sebagai ikatan dokumen B dan ikatan dokumen tidak dipersetujui sebagai ikatan dokumen C.²⁴ Ia dapat dilihat dalam kes harta sepencarian di Mahkamah Tinggi Syariah Melaka.²⁵ Dokumen-dokumen yang berkaitan dalam kes ini dikategorikan kepada ikatan dokumen A, B dan C mengikut catatan pengesahan pihak-pihak dan dijadikan ikatan. Ia dikategorikan mengikut persetujuan pihak-pihak terhadap kesahan kewujudan serta kandungan sesuatu dokumen.

Proses pengurusan dokumen bentuk kedua, pihak-pihak menyediakan ikatan pliding dan ikatan dokumen. Ikatan pliding terdiri daripada pernyata tuntutan, pernyata pembelaan serta jawapan kepada pembelaan yang dikumpul dan dijadikan satu ikatan.²⁶ Kandungan dalam ikatan pliding ini dikenali sebagai pengurusan fakta kes. Ikatan dokumen pula adalah keterangan dokumen dan keterangan dokumen elektronik yang relevan dengan kes dikumpul dan dijadikan satu ikatan.²⁷ Proses pengurusan dokumen bentuk kedua dapat dilihat di Mahkamah Rendah Syariah Sungai Rambai Negeri Melaka dalam kes tuntutan nafkah isteri.²⁸ Dalam kes tersebut, plaintiff telah menyediakan ikatan pliding serta

ikatan dokumen. Ikatan dokumennya mengandungi salinan kad pengenalan, salinan sijil perkahwinan serta sijil perceraian. Sekiranya ada ikatan dokumen tambahan, ia dicatatkan melalui turutan huruf. Ikatan dokumen pertama dipanggil sebagai ikatan dokumen A manakala ikatan dokumen tambahan dipanggil sebagai ikatan dokumen B dan seterusnya.²⁹

Proses pengurusan dokumen bentuk ketiga, pihak-pihak melampirkan dokumen yang relevan serta menyokong kausa tindakan dan dijadikan sebagai ikatan dokumen.³⁰ Seterusnya, ikatan dokumen tersebut dikemukakan dalam perbicaraan untuk ditandakan sebagai dokumen yang diterima atau ditolak oleh mahkamah.³¹ Proses pengurusan dokumen bentuk ketiga dapat dilihat dalam kes faraq nikah, di Mahkamah Rendah Syariah di Seremban, plaintiff telah melampirkan dokumen seperti kad pengenalan, gambar perkahwinan serta dokumen perbualan dalam sistem pesanan ringkas SMS dalam satu ikatan dokumen dan ia difailkan ke mahkamah untuk dikemukakan semasa perbicaraan.³² Kes ini merupakan kes faraq nikah, plaintiff sebagai bapa menyatakan perkahwinan defendant pertama serta defendant kedua (anak plaintiff) tidak sah. Dalam dakwaan plaintiff, defendant pertama telah mempunyai empat orang isteri semasa pernikahan dengan defendant kedua. Dalam menyokong dakwaan, dokumen seperti gambar perkahwinan defendant pertama dengan isteri-isterinya serta gambar perbualan dalam SMS dilampirkan oleh plaintiff.

Dalam satu kes yang lain, di Mahkamah Rendah Syariah di Kuala Terengganu, plaintiff melampirkan dokumen salinan perbualan daripada *WhatsApp* mengandungi tulisan berbentuk cerai yang dihantar oleh defendant. Dokumen-dokumen tersebut dikepaskan bersama serta dilampirkan dalam ikatan dokumen untuk dikemukakan semasa perbicaraan.³³ Dalam kes nafkah anak di Mahkamah Rendah Syariah Petaling Jaya Selangor.³⁴ Plaintiff menyediakan dokumen-dokumen seperti salinan kad pengenalan, salinan sijil perkahwinan, salinan resit-resit perbelanjaan bulanan anak-anak.³⁵ Dokumen-dokumen tersebut dikumpul dan dijadikan sebagai satu ikatan dokumen untuk difailkan ke mahkamah bagi menyokong kes tuntutannya terhadap defendant.³⁶

Dalam pengurusan fakta kes, plaintiff atau defendant sama ada mengaku atau menafikan tiap-tiap pernyataan fakta dalam pernyata tuntutan

atau pernyata pembelaan.³⁷ Fakta yang diakui oleh plaintiff dan defendant diletakkan sebagai fakta yang dipersetujui. Penafian fakta oleh plaintiff dan defendant perlu dijawab dengan ringkas dan padat tanpa menghujahkan apa-apa perkara undang-undang dan diletakkan sebagai fakta yang tidak dipersetujui. Pihak-pihak perlu menyatakan isu-isu yang dipertikai dalam kes tersebut dan diletakkannya sebagai isu yang dipertikaikan. Tujuannya adalah untuk menjimatkan masa perbicaraan dengan hanya membicarakan berkaitan fakta kes yang tidak dipersetujui serta isu yang dipertikaikan.³⁸

Proses pengurusan kes di mahkamah syariah adalah berdasarkan arahan pihak-pihak bertikai dan mahkamah. Prosesnya mengambil contoh proses pengurusan kes di mahkamah sivil, namun penulis mendapati ia tidak mencontohi keseluruhan proses. Ringkasnya, pengaplikasian pengurusan kes sebagai proses pengumpulan keterangan dokumen elektronik dalam kes mal di mahkamah syariah adalah tidak seragam dan tidak jelas dikaitkan dengan prinsip syariah berkaitan kerelevan, nilai probatif, nilai korboratif, rantaian jagaan dan rantaian keterangan yang menyokong kebolehterimaan keterangan dokumen elektronik. Situasi ini seterusnya mengakibatkan pengaplikasian pengurusan kes ini tidak mampu menyokong kebolehterimaan keterangan dokumen elektronik di mahkamah syariah.

KEPERLUAN UNTUK MEMINDA PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG UNTUK MEMPERKEMASKAN PROSES PENGUMPULAN KETERANGAN DOKUMEN ELEKTRONIK DALAM KES MAL SYARIAH

Proses pengumpulan keterangan dokumen elektronik pada peringkat pra perbicaraan dalam kes mal dilakukan melalui pengurusan kes. Ini sebagaimana dikupas oleh penulis sebelum ini. Pengurusan kes ini terdiri daripada pengurusan dokumen dan pengurusan fakta kes. Pengurusan dokumen dilaksanakan mengikut salah satu daripada mana-mana tiga bentuk pengurusan dokumen seperti dalam Jadual 7.1.

Jadual 7.1 menunjukkan bentuk-bentuk pengurusan dokumen serta kaedah pengurusan dokumen yang diguna pakai. Berdasarkan Jadual 7.1 tersebut, bentuk-bentuk pengurusan dokumen ini tidak seragam. Ini kerana terdapat tiga bentuk

pengurusan dokumen yang berbeza. Malah jika diperhalusi, pengaplikasian pengurusan kes dalam menyokong kebolehterimaan keterangan dokumen elektronik adalah tidak jelas dan kabur. Ketidakseragaman bentuk pengurusan dokumen dan kecaburan pengaplikasian ini berlaku di mahkamah syariah di setiap negeri. Akibatnya, pengaplikasian pengurusan dokumen ini dilihat tidak berupaya membantu melancarkan perjalanan perbicaraan dan tidak mampu memberi hakim gambaran kes yang jelas untuk membuat penghakiman kes dengan tepat, khususnya dalam kes mal yang melibatkan pembuktian dokumen elektronik.

Dalam konteks pengumpulan keterangan dokumen elektronik, pengurusan dokumen bertujuan untuk mengumpul segala dokumen dan dokumen elektronik yang relevan pada peringkat pra perbicaraan untuk dikemukakan sebagai keterangan di mahkamah. Pada masa yang sama, pengurusan dokumen ini juga bertujuan untuk menilai kekuatan dokumen serta dokumen elektronik yang akan dikemukakan sebagai keterangan. Untuk itu, mana-mana dokumen serta dokumen elektronik yang dikumpul akan dinilai kekuatannya serta kebolehterimaan sebagai keterangan, caranya adalah dengan mendapatkan persetujuan pihak-pihak ke atas kesahihan dan ketulenan dokumen tersebut. Jika dokumen dan dokumen elektronik itu dipersetujui, maka ia tidak perlu dibuktikan kesahihan dan ketulennannya. Tetapi sekiranya dokumen serta dokumen elektronik tersebut dipertikaikan, maka pihak-pihak perlu menyediakan keterangan-keterangan lain yang relevan untuk menyokong kesahihan dan ketulenan dokumen dan dokumen elektronik tersebut.

Sungguhpun begitu, adalah amat malang sekali kalau diperhatikan kepada senario pengaplikasian pengurusan kes di mahkamah syariah hanya terhenti pada peringkat pengesahan sahaja. Proses mengumpulkan keterangan sokongan yang berupaya menyokong kebolehterimaan keterangan dokumen elektronik tersebut tiada dalam mana-mana bentuk pengurusan kes yang diaplikasikan. Hal ini berlaku demikian kerana kaedah penilaian kebolehterimaan keterangan dokumen elektronik di bawah Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah adalah tidak jelas pengaplikasianya. oleh itu, status sama ada keterangan dokumen elektronik ini perlu disokong dengan keterangan

lain atau pun tidak perlu disokong bergantung kepada pendirian mahkamah kelak semasa pada peringkat perbicaraan berhubung isu ini. Ini kerana, dalam sesetengah prosiding kes yang berjalan di mahkamah syariah, keterangan sokongan tidak perlu dikemukakan untuk menyokong kebolehenerimaan keterangan dokumen elektronik, walaupun dokumen elektronik tersebut dipertikaikan ketulenannya oleh pihak lawan. Manakala dalam prosiding kes mal yang lain pula sebaliknya yang berlaku.³⁹ Ini bermakna, sekiranya suatu dokumen elektronik itu dipertikaikan, proses pengumpulan dokumen serta pernyataan saksi untuk menyokong kebolehenerimaan keterangan dokumen elektronik terbabit adalah tidak jelas dan kabur dalam pengurusan kes.

Sungguhpun begitu, tujuan pengurusan kes adalah untuk memudahkan mahkamah mendengar perbicaraan. Untuk itu, proses pengurusan kes yang jelas dapat membantu pihak-pihak untuk mencapai persetujuan berkenaan isu kesahihan dan ketulenan keterangan dokumen elektronik pada peringkat awal lagi. Maka, selari dengan tujuan tersebut, seharusnya proses pengurusan kes dapat membantu pihak-pihak mengemukakan keterangan dokumen elektronik yang bebas daripada sebarang keraguan semasa perbicaraan di mahkamah kelak. Adalah amat penting untuk pihak-pihak mengemukakan keterangan sokongan bagi memastikan proses pengurusan kes ini berupaya menyokong kebolehenerimaan keterangan dokumen elektronik dengan baik. Tambahan pula, tindakan ini adalah amat wajar diambil, ini kerana untuk membuktikan keterangan dokumen biasa dan dokumen elektronik yang dipertikaikan kesahihannya, ia perlu disokong dengan keterangan yang lain. Ini selari dengan pandangan Ibn Qayyim berkaitan kebolehenerimaan *qarīnah*. Oleh itu, dalam memastikan proses pengurusan kes ini dapat menyokong kebolehenerimaan keterangan dokumen elektronik semasa perbicaraan kelak, maka pengaplikasiannya perlu jelas dikaikatkan dengan prinsip kerelevan, nilai probatif, nilai koroboratif, rantaian jagaan dan rantaian keterangan.

Ringkasnya, penulisan ini mendapati, permasalahan di atas wujud kerana tiada peruntukan undang-undang serta garis panduan berkaitan pengaplikasi pengurusan kes yang menyokong kebolehenerimaan keterangan dokumen elektronik dalam kes mal. Melalui temu bual

bersama Tuan Abu Zaki bin Mohamad, Ketua Unit Kehakiman Syariah & Undang-undang Keluarga Islam, Bahagian Syariah & Pengharmonian Undang-undang dan Tuan Zainor Rashid bin Hassin, Peguam Kanan Syarie Persekutuan, Bahagian Syariah & Pengharmonian Undang-undang, di Wilayah Persekutuan Putrajaya, informan-infroman bersetuju bahawa mahkamah syariah belum ada peruntukan undang-undang serta satu bentuk pengurusan kes yang tetap dan jelas dalam mengendalikan proses pengumpulan keterangan dokumen elektronik. Oleh sebab itu, pengamal undang-undang syariah tidak mempunyai panduan yang jelas dalam mengendalikan pengurusan kes yang boleh menyokong kebolehenerimaan keterangan dokumen elektronik. Pada masa yang sama, penulisan ini turut mendapati bahawa kekaburan kaedah penilaian kebolehenerimaan keterangan dokumen elektronik di bawah Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah turut mengakibatkan wujudnya pengaplikasi pengurusan kes yang tidak seragam dan tidak jelas. Situasi-situasi ini akhirnya menyebabkan pengaplikasi pengurusan kes ini tidak berjaya dikaikatkan dengan jelas kepada prinsip syariah berkaitan kerelevan, nilai probatif, nilai koroboratif, rantaian jagaan dan rantaian keterangan. Akhirnya ia turut mengakibatkan pengaplikasi pengurusan kes pada masa initidak berupaya untuk menyokong kebolehenerimaan dokumen elektronik tersebut untuk dijadikan sebagai asas penghakiman kes.

Untuk itu, keterangan dokumen elektronik tersebut perlu dikumpul melalui proses yang teratur agar ia tidak mengandungi sebarang keraguan untuk dikemukakan serta berupaya menyokong kebolehenerimaan keterangan dokumen elektronik semasa perbicaraan kelak. Penulis menegaskan bahawa permasalahan ini perlu diambil kira serta ditangani segera agar pengaplikasi pengurusan kes ini dapat membantu mahkamah membuat penghakiman kes dengan tepat. Penulis menghujahkan bahawa adalah menjadi keperluan untuk membina peruntukan undang-undang baharu berkaitan dengan pengurusan kes yang menepati prinsip syariah berkaitan kerelevan, nilai probatif, nilai koroboratif, rantaian jagaan dan rantaian keterangan yang berupaya menyokong pengaplikasi pengumpulan dan kebolehenerimaan di bawah Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah dan Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah.

CADANGAN PENYELESAIAN: SATU KESIMPULAN

Proses pengumpulan keterangan dokumen elektronik memainkan peranan penting untuk membantu mahkamah membuat penghakiman kes. Pengumpulan keterangan dokumen elektronik semasa peringkat pra perbicaraan dalam kes mal melibatkan proses pengurusan kes dalam kes mal syariah. Pelaksanaan pengurusan kes tersebut tidak diperuntukkan dalam peruntukan undang-undang di mahkamah syariah. Ia mengambil contoh pengurusan kes daripada mahkamah sivil.⁴⁰ Pengurusan kes dalam kes mal syariah ini dibuat mengikut arahan mahkamah. Amalannya di mahkamah syariah, terdapat tiga bentuk proses pengurusan kes sebagaimana dikupas oleh penulis sebelum ini.

Sebagai cadangan penyelesaian ke atas permasalahan yang telah dikenal pasti, penulis mencadangkan satu bentuk pengurusan kes yang seragam dan jelas serta menyokong pengaplikasian pengumpulan keterangan dokumen elektronik dimasukkan dalam peruntukan undang-undang di bawah Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah. Untuk itu, penulis mencadangkan satu seksyen baharu yang mungkin boleh dinamakan sebagai seksyen 71A Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah seperti berikut:

SEKSYEN 71A PENGURUSAN KES SEBELUM PERBICARAAN

Pindaan peruntukan undang-undang ini hendaklah dibuat berdasarkan kepada prinsip syariah berkaitan kerelevanan, nilai probatif, nilai korboratif, rantaian jagaan dan rantaian keterangan yang dapat menyokong kebolehterimaan keterangan dokumen elektronik. Pada masa yang sama, untuk menyokong usaha pindaan peruntukan undang-undang berkaitan proses pengumpulan keterangan dokumen elektronik tersebut, penulisan ini turut mencadangkan agar peruntukan undang-undang berkaitan kebolehterimaan keterangan dokumen elektronik turut diperincikan. Penulis mencadangkan seksyen baharu yang mungkin boleh dinamakan sebagai seksyen 56A Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah seperti berikut:

Seksyen 56A. Kebolehterimaan_dokumen yang dikeluarkan oleh komputer dan pernyataan yang terkandung dalamnya.

Penulis dalam mencadangkan seksyen 56A Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah ini telah mengambil seksyen 90A, 90B dan 90C Akta Keterangan 1950 sebagai model contoh untuk melakukan cadangan yang bersesuaian, terperinci dan jelas. Adalah diharapkan agar permasalahan berkaitan proses pengumpulan keterangan dokumen elektronik dalam kes mal syariah ini diberi perhatian dan cadangan penyelesaian ini dapat dilaksanakan untuk meningkatkan kelancaran pengumpulan keterangan dokumen elektronik dalam kes mal syariah.

Meningkat kepakaran pengamal undang-undang syarie dalam mengendalikan kes-kes berkaitan dengan dokumen elektronik bersesuaian dengan peredaran masa.

NOTA

¹ Mohd Nadzri Abdul Rahman Ibrahim, *Undang-undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah Prinsip Dan Amalan*, Karya Kreatif Resources, Negeri Sembilan, 2010, hlm 165. Lihat juga Musa Awang, *Panduan dan Amalan: Seni Guaman Syarie Siri 1*, Jawatankuasa Penerbitan Persatuan Peguam Syarie Malaysia, Kuala Lumpur, 2015, hlm 141.

² Temu bual bersama Tuan Mohd Syafiq bin Norizan, Peguam Syarie Negeri Sembilan, di Bandar Seri Putra, Selangor, 15 April 2018. Temu bual bersama Tuan Muhammad Khairi bin Abdullah, Peguam Syarie Negeri Selangor, di Wangsa Maju, Kuala Lumpur, 11 April 2018.

³ Temu bual bersama Tuan Mohd Syafiq bin Norizan, Peguam Syarie Negeri Sembilan, di Bandar Seri Putra, Selangor, 15 April 2018. Temu bual bersama Tuan Muhammad Khairi bin Abdullah, Peguam Syarie Negeri Selangor, di Wangsa Maju, Kuala Lumpur, 11 April 2018.

⁴ Temu bual bersama Tuan Mohd Syafiq bin Norizan, Peguam Syarie Negeri Sembilan, di Bandar Seri Putra, Selangor, 15 April 2018. Temu bual bersama Tuan Muhammad Khairi bin Abdullah, Peguam Syarie Negeri Selangor, di Wangsa Maju, Kuala Lumpur, 11 April 2018. Lihat juga Musa Awang, *Panduan dan Amalan: Seni Guaman Syarie Siri 1*, Jawatankuasa Penerbitan Persatuan Peguam Syarie Malaysia, Kuala Lumpur, 2015, hlm 141.

⁵ Abd Latif Muda, Rosmawati Ali, *Perbahasan Kaedah-kaedah Fiqh*, Pustaka Salam Sdn Bhd, Kuala Lumpur, 2000, Hlm 92. Dokumen elektronik adalah dokumen yang mengandungi kandungan dalam bentuk elektronik atau dicetak menjadi output sebagaimana dalam temu bual bersama Tuan Muhammad Khairi bin Abdullah, Peguam Syarie Negeri Selangor, di Wangsa Maju, Kuala Lumpur, 11 April 2018.

⁶ Pengaplikasian seksyen 3 dan 49 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah berkaitan kebolehterimaan keterangan dokumen perlu dibezakan situasinya dalam Akta Keterangan 1950 untuk dikaitkan dengan proses pengurusan kes semasa peringkat pra perbicaraan. Hal ini demikian kerana, proses pengurusan kes di mahkamah sivil dapat dikaitkan dengan jelas pengaplikasianya dengan Akta Keterangan 1950 melalui peruntukan undang-undang serta penghakiman kes berkaitan pengurusan kes. Sedangkan, situasi di mahkamah syariah adalah sebaliknya, ini kerana ketiadaan peruntukan undang-undang serta penghakiman kes berkaitan pengurusan kes menyebabkan pengaplikasian

- pengurusan kes sukar untuk dikaitkan dengan jelas dengan seksyen 3 dan 49 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah.
- ⁷ Wan Abdul Fattah Wan Ismail, ‘Kaedah Pembuktian Melalui Al-kitābah Elektronik di Mahkamah Syariah’ (2011) *Jurnal Hukum*, JLD 33 BHG 2, hlm. 165-18
- ⁸ Moriazi Mohamad Iwn Ajmawati Attan, *Jurnal Hukum*, JLD XX BHG 1, hlm. 105-121.
- ⁹ Temu bual bersama Tuan Wan Mohamad Helmi bin Masran, Hakim Mahkamah Rendah Syariah Rembau, Negeri Sembilan, di Seremban, Negeri Sembilan, 2 Mac 2018. Temu bual bersama Tuan Mohd Syafiq bin Norizan, Peguam Syarie Negeri Sembilan, di Bandar Seri Putra, Selangor, 15 April 2018. Temu bual bersama Tuan Muhammad Khairi bin Abdullah, Peguam Syarie Negeri Selangor, di Wangsa Maju, Kuala Lumpur, 11 April 2018. Temu bual bersama Tuan Kamil Hakim bin Mohamad Kasim, Peguam Syarie Perak, di Bandar Seri Putra, Selangor, 23 April 2018. Temu bual bersama Tuan Irsamuddin bin Ikhsan, Peguam Syarie Negeri Selangor, di Seremban, Negeri Sembilan, 17 April 2018. Temu bual bersama Tuan Rosidi bin Masli, Hakim Mahkamah Rendah Syariah Kuching Sarawak, di Kuching, Sarawak, 5 April 2018.
- ¹⁰ Temu bual bersama Tuan Mohd Syafiq bin Norizan, Peguam Syarie Negeri Sembilan, di Bandar Seri Putra, Selangor, 15 April 2018. Temu bual bersama Tuan Muhammad Khairi bin Abdullah, Peguam Syarie Negeri Selangor, di Wangsa Maju, Kuala Lumpur, 11 April 2018. Temu bual bersama Tuan Kamil Hakim bin Mohamad Kasim, Peguam Syarie Perak, di Bandar Seri Putra, Selangor, 23 April 2018. Temu bual bersama Tuan Irsamuddin bin Ikhsan, Peguam Syarie Negeri Selangor, di Seremban, Negeri Sembilan, 17 April 2018. Temu bual bersama Tuan Abdul Rashid bin Abu Bakar, Peguam Syarie Negeri Melaka, di Melaka, 1 Mei 2018.
- ¹¹ Seksyen 7 (1) Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003. Seksyen ini menyatakan keskes yang perlu dimulakan melalui saman. Temu bual bersama Tuan Mohd Syafiq bin Norizan, Peguam Syarie Negeri Sembilan, di Bandar Seri Putra, Selangor, 15 April 2018. Temu bual bersama Tuan Muhammad Khairi bin Abdullah, Peguam Syarie Negeri Selangor, di Wangsa Maju, Kuala Lumpur, 11 April 2018. Temu bual bersama Tuan Kamil Hakim bin Mohamad Kasim, Peguam Syarie Perak, di Bandar Seri Putra, Selangor, 23 April 2018. Temu bual bersama Tuan Irsamuddin bin Ikhsan, Peguam Syarie Negeri Selangor, di Seremban, Negeri Sembilan, 17 April 2018. Temu bual bersama Tuan Abdul Rashid bin Abu Bakar, Peguam Syarie Negeri Melaka, di Melaka, 1 Mei 2018.
- ¹² Mohd Nadzri bin Abdul Rahman Ibrahim, *Peguam Syarie dan Litigasi Mal di Mahkamah Syariah*, Karya Kreatif Resources, Nilai, 2012, hlm52.
- ¹³ Temu bual bersama Tuan Wan Mohamad Helmi bin Masran, Hakim Mahkamah Rendah Syariah Rembau, Negeri Sembilan, di Seremban, Negeri Sembilan, 2 Mac 2018.
- ¹⁴ Temu bual bersama Tuan Muhammad Khairi bin Abdullah, Peguam Syarie Negeri Selangor, di Wangsa Maju, Kuala Lumpur, 11 April 2018. Temu bual bersama Tuan Abdul Rashid bin Abu Bakar, Peguam Syarie Negeri Melaka, di Melaka, 1 Mei 2018.
- ¹⁵ Temu bual bersama Tuan Mohd Syafiq bin Norizan, Peguam Syarie Negeri Sembilan, di Bandar Seri Putra, Selangor, 15 April 2018. Temu bual bersama Tuan Muhammad Khairi bin Abdullah, Peguam Syarie Negeri Selangor, di Wangsa Maju, Kuala Lumpur, 11 April 2018. Temu bual bersama Tuan Kamil Hakim bin Mohamad Kasim, Peguam Syarie Perak, di Bandar Seri Putra, Selangor, 23 April 2018. Temu bual bersama Tuan Irsamuddin bin Ikhsan, Peguam Syarie Negeri Selangor, di Seremban, Negeri Sembilan, 17 April 2018. Temu bual bersama Tuan Abdul Rashid bin Abu Bakar, Peguam Syarie Negeri Melaka, di Melaka, 1 Mei 2018. Temu bual bersama Tuan Luqmanulhakim bin Zulkifli, Peguam Syarie Johor, di Bandar Seri Putra, Selangor, 20 Mei 2018. Pengaplikasian bentuk pengesahan dokumen ini adalah berdasarkan kepada amalan di mahkamah syariah semasa pengurusan kes.
- ¹⁶ Temu bual bersama Tuan Mohd Syafiq bin Norizan, Peguam Syarie Negeri Sembilan, di Bandar Seri Putra, Selangor, 15 April 2018. Temu bual bersama Tuan Muhammad Khairi bin Abdullah, Peguam Syarie Negeri Selangor, di Wangsa Maju, Kuala Lumpur, 11 April 2018. Temu bual bersama Tuan Kamil Hakim bin Mohamad Kasim, Peguam Syarie Perak, di Bandar Seri Putra, Selangor, 23 April 2018. Temu bual bersama Tuan Irsamuddin bin Ikhsan, Peguam Syarie Negeri Selangor, di Seremban, Negeri Sembilan, 17 April 2018. Temu bual bersama Tuan Abdul Rashid bin Abu Bakar, Peguam Syarie Negeri Melaka, di Melaka, 1 Mei 2018. Temu bual bersama Tuan Luqmanulhakim bin Zulkifli, Peguam Syarie Johor, di Bandar Seri Putra, Selangor, 20 Mei 2018. Temu bual bersama Tuan Mohd Syafiq bin Norizan, Peguam Syarie Negeri Sembilan, di Bandar Seri Putra, Selangor, 15 April 2018. Temu bual bersama Tuan Muhammad Khairi bin Abdullah, Peguam Syarie Negeri Selangor, di Wangsa Maju, Kuala Lumpur, 11 April 2018. Temu bual bersama Tuan Kamil Hakim bin Mohamad Kasim, Peguam Syarie Perak, di Bandar Seri Putra, Selangor, 23 April 2018. Temu bual bersama Tuan Irsamuddin bin Ikhsan, Peguam Syarie Negeri Selangor, di Seremban, Negeri Sembilan, 17 April 2018. Temu bual bersama Tuan Abdul Rashid bin Abu Bakar, Peguam Syarie Negeri Melaka, di Melaka, 1 Mei 2018. Temu bual bersama Tuan Luqmanulhakim bin Zulkifli, Peguam Syarie Negeri Johor, di Bandar Seri Putra, Selangor, 20 Mei 2018.
- ¹⁷ Temu bual bersama Tuan Mohd Syafiq bin Norizan, Peguam Syarie Negeri Sembilan, di Bandar Seri Putra, Selangor, 15 April 2018. Temu bual bersama Tuan Muhammad Khairi bin Abdullah, Peguam Syarie Negeri Selangor, di Wangsa Maju, Kuala Lumpur, 11 April 2018. Temu bual bersama Tuan Kamil Hakim bin Mohamad Kasim, Peguam Syarie Perak, di Bandar Seri Putra, Selangor, 23 April 2018. Temu bual bersama Tuan Irsamuddin bin Ikhsan, Peguam Syarie Negeri Selangor, di Seremban, Negeri Sembilan, 17 April 2018. Temu bual bersama Tuan Abdul Rashid bin Abu Bakar, Peguam Syarie Negeri Melaka, di Melaka, 1 Mei 2018. Temu bual bersama Tuan Luqmanulhakim bin Zulkifli, Peguam Syarie Negeri Johor, di Bandar Seri Putra, Selangor, 20 Mei 2018. Temu bual bersama Tuan Mohd Syafiq bin Norizan, Peguam Syarie Negeri Sembilan, di Bandar Seri Putra, Selangor, 15 April 2018. Temu bual bersama Tuan Muhammad Khairi bin Abdullah, Peguam Syarie Negeri Selangor, di Wangsa Maju, Kuala Lumpur, 11 April 2018. Temu bual bersama Tuan Kamil Hakim bin Mohamad Kasim, Peguam Syarie Perak, di Bandar Seri Putra, Selangor, 23 April 2018. Temu bual bersama Tuan Irsamuddin bin Ikhsan, Peguam Syarie Negeri Selangor, di Seremban, Negeri Sembilan, 17 April 2018. Temu bual bersama Tuan Abdul Rashid bin Abu Bakar, Peguam Syarie Negeri Melaka, di Melaka, 1 Mei 2018. Temu bual bersama Tuan Luqmanulhakim bin Zulkifli, Peguam Syarie Negeri Johor, di Bandar Seri Putra, Selangor, 20 Mei 2018.
- ¹⁸ Temu bual bersama Tuan Mohd Syafiq bin Norizan, Peguam Syarie Negeri Sembilan, di Bandar Seri Putra, Selangor, 15 April 2018. Temu bual bersama Tuan Muhammad Khairi bin Abdullah, Peguam Syarie Negeri Selangor, di Wangsa Maju, Kuala Lumpur, 11 April 2018. Temu bual bersama Tuan Kamil Hakim bin Mohamad Kasim, Peguam Syarie Perak, di Bandar Seri Putra, Selangor, 23 April 2018. Temu bual bersama Tuan Irsamuddin bin Ikhsan, Peguam Syarie Negeri Selangor, di Seremban, Negeri Sembilan, 17 April 2018. Temu bual bersama Tuan Abdul Rashid bin Abu Bakar, Peguam Syarie Negeri Melaka, di Melaka, 1 Mei 2018. Temu bual bersama Tuan Luqmanulhakim bin Zulkifli, Peguam Syarie Negeri Johor, di Bandar Seri Putra, Selangor, 20 Mei 2018.
- ¹⁹ Temu bual bersama Tuan Mohd Syafiq bin Norizan, Peguam Syarie Negeri Sembilan, di Bandar Seri Putra, Selangor, 15 April 2018. Temu bual bersama Tuan Muhammad Khairi bin Abdullah, Peguam Syarie Negeri Selangor, di Wangsa Maju, Kuala Lumpur, 11 April 2018. Temu bual bersama Tuan Kamil Hakim bin Mohamad Kasim, Peguam Syarie Perak, di Bandar Seri Putra, Selangor, 23 April 2018. Temu bual bersama Tuan Irsamuddin bin Ikhsan, Peguam Syarie Negeri Selangor, di Seremban, Negeri Sembilan, 17 April 2018. Temu bual bersama Tuan Abdul Rashid bin Abu Bakar, Peguam Syarie Negeri Melaka, di Melaka, 1 Mei 2018. Temu bual bersama Tuan Luqmanulhakim bin Zulkifli, Peguam Syarie Negeri Johor, di Bandar Seri Putra, Selangor, 20 Mei 2018.

- Muhammad Khairi bin Abdullah, Peguam Syarie Negeri Selangor, di Wangsa Maju, Kuala Lumpur, 11 April 2018. Temu bual bersama Tuan Kamil Hakim bin Mohamad Kasim, Peguam Syarie Perak, di Bandar Seri Putra, Selangor, 23 April 2018. Temu bual bersama Tuan Irsamuddin bin Ikhsan, Peguam Syarie Negeri Selangor, di Seremban, Negeri Sembilan, 17 April 2018. Temu bual bersama Tuan Abdul Rashid bin Abu Bakar, Peguam Syarie Negeri Melaka, di Melaka, 1 Mei 2018. Temu bual bersama Tuan Luqmanulhakim bin Zulkifli, Peguam Syarie Negeri Johor, di Bandar Seri Putra, Selangor, 20 Mei 2018.
- ²⁰ Kes saman no: 10200-017-0550-2016 di Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam di Selangor.
- ²¹ Kes saman no: 10005-014-1555-2015 di Mahkamah Rendah Syariah Hulu Langat di Selangor. Temu bual bersama Tuan Mohd Syafiq bin Norizan, Peguam Syarie Negeri Sembilan, di Bandar Seri Putra, Selangor, 15 April 2018. Temu bual bersama Tuan Muhammad Khairi bin Abdullah, Peguam Syarie Negeri Selangor, di Wangsa Maju, Kuala Lumpur, 1 April 2018. Temu bual bersama Tuan Kamil Hakim bin Mohamad Kasim, Peguam Syarie Perak, di Bandar Seri Putra, Selangor, 23 April 2018. Temu bual bersama Tuan Irsamuddin bin Ikhsan, Peguam Syarie Negeri Selangor, di Seremban, Negeri Sembilan, 17 April 2018. Temu bual bersama Tuan Abdul Rashid bin Abu Bakar, Peguam Syarie Negeri Melaka, di Melaka, 1 Mei 2018. Temu bual bersama Tuan Luqmanulhakim bin Zulkifli, Peguam Syarie Negeri Johor, di Bandar Seri Putra, Selangor, 20 Mei 2018.
- ²² Kes saman no: 10005-014-1555-2015 di Mahkamah Rendah Syariah Hulu Langat di Selangor. Temu bual bersama Tuan Mohd Syafiq bin Norizan, Peguam Syarie Negeri Sembilan, di Bandar Seri Putra, Selangor, 15 April 2018. Temu bual bersama Tuan Muhammad Khairi bin Abdullah, Peguam Syarie Negeri Selangor, di Wangsa Maju, Kuala Lumpur, 1 April 2018. Temu bual bersama Tuan Kamil Hakim bin Mohamad Kasim, Peguam Syarie Perak, di Bandar Seri Putra, Selangor, 23 April 2018. Temu bual bersama Tuan Irsamuddin bin Ikhsan, Peguam Syarie Negeri Selangor, di Seremban, Negeri Sembilan, 17 April 2018. Temu bual bersama Tuan Abdul Rashid bin Abu Bakar, Peguam Syarie Negeri Melaka, di Melaka, 1 Mei 2018. Temu bual bersama Tuan Luqmanulhakim bin Zulkifli, Peguam Syarie Negeri Johor, di Bandar Seri Putra, Selangor, 20 Mei 2018.
- ²³ Arahan Amalan No 8 Tahun 2016: Tatacara Pengurusan Kes Mal Syariah: Pengurusan Kes Saman. Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. Temu bual bersama Tuan Azmi bin Aziz, Hakim Mahkamah Rendah Syariah Jempol, Negeri Sembilan, di Jempol, Negeri Sembilan, 12 April 2018.
- ²⁴ Temu bual bersama Tuan Mohammad Khalid bin Shaee@Shaii, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Melaka, di Melaka, 23 April 2018.
- ²⁵ Kes Mal No: 04200-017-0679-2013 dalam Mahkamah Tinggi Syariah Melaka. Temu bual bersama Tuan Abdul Rashid bin Abu Bakar, Peguam Syarie Negeri Melaka, di Melaka, 1 Mei 2018.
- ²⁶ Temu bual bersama Tuan Muhammad Khairi bin Abdullah, Peguam Syarie Negeri Selangor, di Wangsa Maju, Kuala Lumpur, 11 April 2018. Temu bual bersama
- ²⁷ Tuan Abdul Rashid bin Abu Bakar, Peguam Syarie Negeri Melaka, di Melaka, 1 Mei 2018.
- ²⁸ Temu bual bersama Tuan Muhammad Khairi bin Abdullah, Peguam Syarie Negeri Selangor, di Wangsa Maju, Kuala Lumpur, 11 April 2018. Temu bual bersama Tuan Abdul Rashid bin Abu Bakar, Peguam Syarie Negeri Melaka, di Melaka, 1 Mei 2018.
- ²⁹ Kes mal no: 04003-018-0423-2015 dalam Mahkamah Rendah Syariah Sungai Rambai Negeri Melaka. Temu bual bersama Tuan Muhammad Khairi bin Abdullah, Peguam Syarie Negeri Selangor, di Wangsa Maju, Kuala Lumpur, 11 April 2018.
- ³⁰ Kes mal no: 04003-018-0423-2015 dalam Mahkamah Rendah Syariah Sungai Rambai Negeri Melaka. Temu bual bersama Tuan Muhammad Khairi bin Abdullah, Peguam Syarie Negeri Selangor, di Wangsa Maju, Kuala Lumpur, 11 April 2018.
- ³¹ Temu bual bersama Tuan Muhammad Khairi bin Abdullah, Peguam Syarie Negeri Selangor, di Wangsa Maju, Kuala Lumpur, 11 April 2018. Temu bual bersama Tuan Abdul Rashid bin Abu Bakar, Peguam Syarie Negeri Melaka, di Melaka, 1 Mei 2018. Berdasarkan temu bual-temu bual ini, melampirkan dokumen yang relevan serta menyokong kausa tindakan pliding juga merupakan salah satu bentuk pengurusan kes. Arahan Amalan Nombor 8 Tahun 2016. Tatacara Pengurusan Kes Mal Mahkamah Syariah: Pengurusan Kes Saman. Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.
- ³² Temu bual bersama Tuan Wan Mohamad Helmi bin Masran, Hakim Mahkamah Rendah Syariah Rembau, Negeri Sembilan, di Seremban, Negeri Sembilan, 2 Mac 2018.
- ³³ Kes saman no: 05008-042-1149-2015 di Mahkamah Rendah Syariah Seremban.. Temu bual bersama Tuan Mohd Syafiq bin Norizan, Peguam Syarie Negeri Sembilan, di Bandar Seri Putra, Selangor, 15 April 2018. Temu bual bersama Tuan Muhammad Khairi bin Abdullah, Peguam Syarie Negeri Selangor, di Wangsa Maju, Kuala Lumpur, 11 April 2018. Temu bual bersama Tuan Kamil Hakim bin Mohamad Kasim, Peguam Syarie Perak, di Bandar Seri Putra, Selangor, 23 April 2018. Temu bual bersama Tuan Irsamuddin bin Ikhsan, Peguam Syarie Negeri Selangor, di Seremban, Negeri Sembilan, 17 April 2018. Temu bual bersama Tuan Abdul Rashid bin Abu Bakar, Peguam Syarie Negeri Melaka, di Melaka, 1 Mei 2018.
- ³⁴ Kes saman no: 11007-054-0697-2017 dalam Mahkamah Rendah Syariah di Kuala Terengganu. Kes ini merupakan kes tuntutan pengesahan lafaz cerai. Dalam kes tersebut, pihak plaintiff melampirkan dokumen perbualan daripada aplikasi *whatsapp* bagi menyokong kesnya.
- ³⁵ Kes saman no: 10001-024-1663-2016 dalam Mahkamah Rendah Syariah Petaling Jaya Selangor.
- ³⁶ Kes saman no: 10001-024-1663-2016 dalam Mahkamah Rendah Syariah Petaling Jaya Selangor. Kes ini merupakan kes tuntutan nafkah anak. Dalam kes tersebut, pihak plaintiff melampirkan salinan resit-resit perbelanjaan anak-anak.
- ³⁷ Kes saman no: 10001-024-1663-2016 dalam Mahkamah Rendah Syariah Petaling Jaya Selangor. Temu bual bersama Tuan Muhammad Khairi bin Abdullah, Peguam Syarie Negeri Selangor, di Wangsa Maju, Kuala Lumpur, 11 April 2018.

- ³⁷ Temu bual bersama Tuan Mohd Syafiq bin Norizan, Peguam Syarie Negeri Sembilan, di Bandar Seri Putra, Selangor, 15 April 2018. Temu bual bersama Tuan Muhammad Khairi bin Abdullah, Peguam Syarie Negeri Selangor, di Wangsa Maju, Kuala Lumpur, 11 April 2018. Temu bual bersama Tuan Kamil Hakim bin Mohamad Kasim, Peguam Syarie Perak, di Bandar Seri Putra, Selangor, 23 April 2018. Temu bual bersama Tuan Irsamuddin bin Ikhsan, Peguam Syarie Negeri Selangor, di Seremban, Negeri Sembilan, 17 April 2018. Temu bual bersama Tuan Abdul Rashid bin Abu Bakar, Peguam Syarie Negeri Melaka, di Melaka, 1 Mei 2018. Temu bual bersama Tuan Luqmanulhakim bin Zulkifli, Peguam Syarie Johor, di Bandar Seri Putra, Selangor, 20 Mei 2018.
- ³⁸ Temu bual bersama Tuan Mohd Syafiq bin Norizan, Peguam Syarie Negeri Sembilan, di Bandar Seri Putra, Selangor, 15 April 2018. Temu bual bersama Tuan Muhammad Khairi bin Abdullah, Peguam Syarie Negeri Selangor, di Wangsa Maju, Kuala Lumpur, 11 April 2018. Temu bual bersama Tuan Kamil Hakim bin Mohamad Kasim, Peguam Syarie Perak, di Bandar Seri Putra, Selangor, 23 April 2018. Temu bual bersama Tuan Irsamuddin bin Ikhsan, Peguam Syarie Negeri Selangor, di Seremban, Negeri Sembilan, 17 April 2018. Temu bual bersama Tuan Abdul Rashid bin Abu Bakar, Peguam Syarie Negeri Melaka, di Melaka, 1 Mei 2018. Temu bual bersama Tuan Luqmanulhakim bin Zulkifli, Peguam Syarie Johor, di Bandar Seri Putra, Selangor, 20 Mei 2018.
- ³⁹ Lihat kupasan berkaitan kebolehtrimaan keterangan dokumen elektronik dengan lebih lanjut dalam Bab IV penulisan ini.
- ⁴⁰ Temu bual bersama Tuan Mohd Syafiq bin Norizan, Peguam Syarie Negeri Sembilan, Keterangan Dokumen Elektronik di Mahkamah Syariah: Analisis Proses Pengumpulan serta Pengemukaannya dalam kes Mal di Mahkamah Syariah, 15 April 2018. Temu bual bersama Tuan Muhammad Khairi bin Abdullah, Peguam Syarie Negeri Selangor, Keterangan Dokumen Elektronik di Mahkamah Syariah: Analisis Proses Pengumpulan serta Pengemukaannya dalam kes Mal di Mahkamah Syariah, 11 April 2018. Temu bual bersama Tuan Kamil Hakim bin Mohamad Kasim, Peguam Syarie Perak, Keterangan Dokumen Elektronik di Mahkamah Syariah: Analisis Proses Pengumpulan serta Pengemukaannya dalam kes Mal di Mahkamah Syariah, 23 April 2018. Temu bual bersama Tuan Irsamuddin bin Ikhsan, Peguam Syarie Negeri Selangor, Keterangan Dokumen Elektronik di Mahkamah Syariah: Analisis Proses Pengumpulan serta Pengemukaannya dalam kes Mal di Mahkamah Syariah, 17 April 2018. Temu bual bersama Tuan Abdul Rashid bin Abu Bakar, Peguam Syarie Negeri Melaka, Keterangan Dokumen Elektronik di Mahkamah Syariah: Analisis Proses Pengumpulan serta Pengemukaannya dalam kes Mal di Mahkamah Syariah, 1 Mei 2018. Temu bual bersama Tuan Luqmanulhakim bin Zulkifli, Peguam Syarie Johor, Keterangan Dokumen Elektronik di Mahkamah Syariah: Analisis Proses Pengumpulan serta Pengemukaannya dalam kes Mal di Mahkamah Syariah, 20 Mei 2018. Lihat Aturan 34 Kaedah-kaerah Mahkamah 2012.

RUJUKAN

- Abd Latif Muda & Rosmawati Ali. 2000. *Perbahasan Kaedah-kaerah Fiqh*. Pustaka Salam Sdn Bhd. Kuala Lumpur.
- Arahan Amalan No 8 Tahun 2016: Tatacara Pengurusan Kes Mal Syariah: Pengurusan Kes Saman. Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.
- Kes Mal No: 04200-017-0679-2013 dalam Mahkamah Tinggi Syariah Melaka.
- Kes saman no: 10001-024-1663-2016 dalam Mahkamah Rendah Syariah Petaling Jaya Selangor.
- Kes saman no: 10005-014-1555-2015 di Mahkamah Rendah Syariah Hulu Langat di Selangor.
- Kes saman no: 10200-017-0550-2016 di Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam di Selangor.
- Kes saman no: 11007-054-0697-2017 dalam Mahkamah Rendah Syariah di Kuala Terengganu.
- Mohd Nadzri Abdul Rahman Ibrahim. 2010. *Undang-undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah Prinsip Dan Amalan*. Karya Kreatif Resources. Negeri Sembilan.
- Mohd Nadzri bin Abdul Rahman Ibrahim. 2012. *Peguam Syarie dan Litigasi Mal di Mahkamah Syariah*. Karya Kreatif Resources. Nilai.
- Moriazi Mohamad Iwn Ajmawati Attan. *Jurnal Hukum*. JLD XX BHG 1.
- Musa Awang. 2015. *Panduan dan Amalan: Seni Guaman Syarie Siri 1*. Jawatankuasa Penerbitan Persatuan Peguam Syarie Malaysia. Kuala Lumpur.
- Tuan Abdul Rashid bin Abu Bakar. Peguam Syarie Negeri Melaka. Temu bual pada 1 Mei 2018.
- Tuan Azmi bin Aziz. Hakim Mahkamah Rendah Syariah Jempol, Negeri Sembilan. Temu bual pada 12 April 2018.
- Tuan Irsamuddin bin Ikhsan. Peguam Syarie Negeri Selangor. Temu bual pada 17 April 2018.
- Tuan Kamil Hakim bin Mohamad Kasim. Peguam Syarie Perak. Temu bual pada 23 April 2018.
- Tuan Luqmanulhakim bin Zulkifli. Peguam Syarie Negeri Johor. Temu bual pada 20 Mei 2018.
- Tuan Mohammad Khalid bin Shaee@Shaii. Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Melaka. Temu bual pada 23 April 2018.
- Tuan Mohd Syafiq bin Norizan. Peguam Syarie Negeri Sembilan. Temu bual pada 15 April 2018.
- Tuan Muhammad Khairi bin Abdullah. Peguam Syarie Negeri Selangor. Temu bual pada 11 April 2018.
- Tuan Rosidi bin Masli. Hakim Mahkamah Rendah Syariah Kuching Sarawak. Temu bual pada 5 April 2018.
- Tuan Wan Mohamad Helmi bin Masran. Hakim Mahkamah Rendah Syariah Rembau, Negeri Sembilan. Temu bual pada 2 Mac 2018.
- Wan Abdul Fattah Wan Ismail. 2011. Kaedah Pembuktian Melalui Al-kitābah Elektronik di Mahkamah Syariah. *Jurnal Hukum*. JLD 33 BHG 2.

Mohamad Azhan Yahya
Fakulti Undang-undang
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi
Selangor
Emel: azhan@ukm.edu.my

Fatimah Yusro Hashim
Fakulti Undang-undang
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi
Selangor
Emel: wardatun@ukm.edu.my

Ahmad Azam Mohd Shariff
(pengarang sama)
Fakulti Undang-undang
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi
Selangor
Emel: aazam@ukm.edu.my